



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48
No. 21

7hb Oktober 2004

TAMBAHAN No. 21
PERUNDANGAN

J. P.U. 73.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM
(MAJLIS PERBANDARAN KLUANG) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 73 (1) (j), seksyen 102 dan 102A dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Majlis Perbandaran Kluang membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

Nama, penakafian dan permulaan kuatkuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Kluang) 2003 dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Perbandaran Kluang.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang;

“landas awam” ertinya apa-apa bangunan, bilik atau ruang yang tersekat-sekat yang mana orang-orang awam boleh pergi untuk membuang air besar, air kecil atau untuk mencuci dirinya.

Larangan

3. Mana-mana orang yang berada dalam mana-mana tandas awam:
- (a) membuang sampah, meluduh, membuang air kecil atau air besar di atas lantai melainkan di dalam bekas yang dibekalkan bagi maksud masing-masing;
 - (b) membiarkan paip terbuka selepas menggunakannya sama ada bekalan air sedang mengalir atau sebaliknya;
 - (c) merosakkan atau memindahkan apa-apa barang di dalam tandas;
 - (d) mengotorkan, melukis, menconteng atau mengecat apa-apa di atas dinding atau siling;
 - (e) berperangai tidak senonoh atau tidak sopan; dan
 - (f) meninggalkan mangkuk tandas dengan tidak memancurkan air selepas menggunakannya,

adalah melakukan suatu kesalahan.

Syarat-syarat penggunaan tandas awam

4. (1) Tiada seorangpun yang boleh membasuh apa-apa pakaian atau meninggalkan pakaian itu untuk dikeringkan dalam tandas awam;
- (2) Tiada seorangpun yang boleh menyalakan api atau memasak makanan dalam tandas awam dan tiada seorangpun boleh makan atau tidur di dalamnya;
- (3) Tiada seorangpun yang boleh mencuci makanan, perkakas pinggan mangkuk atau apa-apa bekas dalam tandas awam;
- (4) Tiada seorangpun boleh menggunakan mana-mana tandas awam sebagai tempat untuk menyimpan barang-barang;
- (5) Tiada suatu perniagaan atau dagangan boleh diuruskan dalam mana-mana tandas awam;
- (6) Tiada seorangpun dibenarkan mandi di dalam mana-mana tandas awam kecuali kemudahan mandi disediakan.

Kuasa untuk mengarahkan orang keluar

5. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang melanggar dengan mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini boleh diarah keluar dari tandas awam oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberikan kuasa olehnya.

Kewajipan penerima pajak

6. (1) Sekiranya mana-mana tandas awam dipajak penerima pajak atau orang yang menjaga tandas awam itu hendaklah membersihkan dan menerangi tandas itu sehingga memuaskan hati Yang Dipertua;

(2) Penerima pajak atau orang yang menjaga mana-mana tandas awam hendaklah menyebabkan supaya sesalinan Undang-undang Kecil ini yang ditulis dengan nyata dalam bahasa kebangsaan supaya mempamerkan secara berterusan di tempat yang ketara dalam tandas awam itu.

Tandas berasingan untuk berlainan jantina

7. (1) Maka hendaklah diperuntukkan tandas awam yang berasingan untuk jantina yang berlainan dan hendaklah ditandakan dengan tanda-tanda yang bersesuaian.

(2) Tiada seorangpun boleh memasuki atau menggunakan tandas bagi jantina yang berlainan.

Caj

8. (1) Jika difikirkan perlu, Yang Dipertua boleh mengenakan caj bagi penggunaan mana-mana tandas awam, menerusi pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Mana-mana orang yang gagal membayar caj yang ditetapkan adalah melakukan kesalahan.

Penalti

9. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

JADUAL PERTAMA
(Undang-undang Kecil 8)

	Minimum	Maksimum
Caj bagi penggunaan mana-mana tandas awam	RM0 20	RM1.00

Dibuat 9 Julai 2003

[K.T. 24/69/19; PUNJ. Bil. (PU 2) 7 (42)]

AHD. RAZAK BIN MD. SALLEH

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kluang

Disahkan 13 Ogos 2003

Haji SALLEH BIN Haji AHMAD

Juruulis Majlis Mesyuarat Kerajaan

Johor